

# Agihan bantuan lebih wajar jika dikategori jenis hutang

3 May 2014

Berita Harian

SAYA merujuk kepada laporan bertajuk Lebih ramai pasangan muda dijerat hutang (BH, 30 April).

Saya menyambut baik dan mengalu-alukan khidmat yang disediakan Pusat Penasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP) sejak pusat tersebut dilancarkan pada 1 April 2013.

Saya harap AMP akan terus memainkan peranan aktif dalam usaha membantu anggota masyarakat Melayu/Islam mengukuhkan kedudukan kewangan mereka melalui pelbagai inisiatif seperti khidmat yang disediakan oleh DAC.

Namun, saya agak prihatin dengan jumlah individu Melayu/Islam seramai 580 orang yang telah dibantu pusat tersebut sejak setahun lalu, terutama pasangan atau keluarga muda berusia lewat 20an tahun yang menghadapi masalah hutang.

Saya pasti jumlah anggota masyarakat Melayu/Islam yang menghadapi masalah hutang adalah jauh lebih tinggi kerana mereka mendapatkan bantuan agensi lain, dan ada juga di antara mereka yang tidak mendapatkan bantuan atau sokongan daripada sebarang pihak.

Berdasarkan laporan itu dan pengamatan peribadi saya, ramai anggota masyarakat kita yang terjerat dalam hutang kerana kad kredit, pinjaman daripada institusi kewangan dan membeli barangan bernilai tinggi secara ansuran.

Namun, terdapat satu lagi aspek yang berkemungkinan besar menjadi sebab ramai orang kita menghadapi masalah hutang iaitu kos hidup yang semakin meningkat, manakala gaji pula tetap sama atau berkurangan dan lantas tidak setara dengan keperluan ekonomi kini.

Majoriti pasangan atau keluarga muda juga merupakan generasi tersepit kerana mereka mempunyai pelbagai tuntutan kewangan seperti anak-anak, ibu bapa yang sudah tua, ansuran flat, ansuran kenderaan peribadi, insurans dan bil perubatan yang tinggi.

Beberapa orang kenalan saya yang bergaji sederhana dalam lingkungan \$3,000 terpaksa mendapatkan pinjaman daripada firma pemiutang berlesen kerana mereka perlu menyara anak-anak kecil di samping membayar bil perubatan orang tua mereka yang agak tinggi, dan bukan kerana gaya hidup atau jangkakan taraf hidup yang tinggi.

Contoh seperti ini adalah satu realiti dalam hidup kita sekarang, lebih-lebih lagi kerana ramai orang Melayu/Islam kita yang bergaji rendah atau sederhana.

Justeru dalam usaha agensi dan pertubuhan seperti Pusat Penasihat Hutang AMP membantu warga setempat yang menghadapi masalah kewangan atau hutang, saya berpendapat adalah penting menyenaraikan beberapa kategori yang berbeza bagi mereka yang berhutang kerana gaya hidup yang mewah, pengurusan kewangan yang lemah, jangkakan taraf hidup yang tinggi atau mereka yang terpaksa berhutang kerana tuntutan kewangan seperti dalam contoh beberapa kenalan saya itu.

Ini penting supaya pihak berkenaan dapat menilai punca hutang dalam anggota masyarakat kita dan cara wajar membantu mereka keluar daripada lingkaran hutang.

**MUHAMMAD DZUL AZHAN HAJI SAHBAN**